

# Penjagaan rapi elak pupus

**FRI Rantau Abang komited dalam pemuliharaan penyu**

KUALA TERENGGANU

Pemuliharaan spesies penyu bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak kerajaan dan jabatan malah ia giat dijalankan secara aktif oleh universiti, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pengusaha resort dan juga komuniti se-tempat.

Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, pihaknya banyak menjalankan program kesedaran kepada komuniti mengenai pemuliharaan penyu termasuk membawa orang awam ke galeri penyu di Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang (FRIRA), Dungun.

Menurutnya, galeri yang dibuka

kepada orang awam itu akan didekahkan dengan pelbagai maklumat berhubung biologi, populasi, ancaman dan banyak lagi secara langsung kepada pengunjung.

"Kita ada melakukan program secara berkala iaitu acara tahunan mengenai kempen kesedaran terhadap penyu ini tetapi bergantung juga kepada peruntukan yang diberikan bagi menggerakkan aktiviti sebegini.

"Memang kita banyak lakukan kempen mengikut permintaan dan juga taklimat eksklusif kepada nelayan mengenai penyu kerana golongan itu juga terlibat secara langsung dalam pemuliharaan penyu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Tamimi berkata, selain memberikan taklimat secara terbuka kepada pengunjung di institusi itu, mereka turut berpeluang merasai pengalaman melakukan rawatan kepada penyu termasuklah dari segi penjagaan, melepaskan anak penyu ke laut serta pelbagai lagi.

"Ini bagi memberi pengalaman kepada pengunjung untuk mereka



**Mohd Tamimi (tengah) melihat penyu yang sedang dirawat di FRIRA, Dungun.**

merasai sendiri bagaimana cara menjaga serta merawat penyu dan dari situ diharap timbulnya perasaan sayang akan penyu dan masing-masing mahu menjaga penyu supaya ia tidak pupus," katanya.

Dalam masa sama, Mohd Tamimi berkata, pusat berkenaan yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (Tu-

mec), kini telah ditukar kepada FRIRA.

Beliau berkata, prasarana di FRIRA yang sudah terlalu uzur belum dinaik taraf dan berharap kerajaan negeri serta pusat memberi tumpuan dengan menaik taraf FRIRA sebagai Hospital Penyu dan Spesies Marin Terancam yang terunggul di dunia.

**info**

Pengunjung turut berpeluang merasai pengalaman melakukan rawatan kepada penyu termasuk dari segi penjagaan dan lepaskan penyu ke laut